

BERITA HARIAN

DATE: 11 / 08 / 2007

'Kuasa Perdana Menteri lantik Hakim Besar Malaya'

BH - 11/8/2007

Ahmad Fairuz nafi Persidangan Majlis Raja-Raja tolak calon dipilih PM

PUTRAJAYA: Perdana Menteri mempunyai kata pemutus dalam soal pelantikan Hakim Besar Malaya, kata Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim.

Ahmad Fairuz berkata, mengikut Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri akan berunding dengan Ketua Hakim Negara mengenai pemilihan calon dan Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, akan membincangkannya dalam Persidangan Majlis Raja-Raja.

Beliau bagaimanapun, berkata perundingan itu tidak mengikat Perdana Menteri untuk menerima siapa juga calon yang dipilih oleh Ketua Hakim Negara.

"Perundingan tidak bermakna bahawa anda terikat dengan apa juga

pandangan yang diberikan," katanya selepas majlis mengangkat sumpah jawatan lapan Pesuruhjaya Kehakiman di Dewan Persidangan Istana Keadilan di sini, semalam.

Zamani A Rahim, 57; Vernon Ong, 51; Azman Abdullah, 46; Datuk Hishawati Shariff, 52; Mohd Yazid Mustafa, 51; Zainal Azman Ab Aziz, 50; Datuk Ahmadi Aznawi, 53; dan Yew Jen Kie, 54, mengangkat sumpah jawatan di hadapan hakim kanan Mahkamah Tinggi Datuk T Selventhiranathan.

Pelantikan mereka berkuat kuasa semalam.

Dengan pelantikan terbaru itu, negara kini mempunyai 36 Pesuruhjaya Kehakiman.

Ketika ditanya kenapa kelapanlapan Pesuruhjaya Kehakiman itu mengangkat sumpah di hadapan ha-

kim Mahkamah Tinggi, berbeza daripada amalan sebelum ini apabila upacara dijalankan di hadapan beliau (Ahmad Fairuz) yang bertindak sebagai Hakim Besar Malaya, Ketua Hakim Negara itu berkata, badan kehakiman itu hanya mematuhi Per-

lembagaan Persekutuan, yang dipinda baru-baru ini bagi membolehkan pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman dibuat di hadapan seorang hakim kanan Mahkamah Tinggi.

Ketua Hakim Negara juga mempertikaikan satu laporan akhbar yang mendakwa Persidangan Majlis Raja-Raja menolak calon yang dipilih oleh Perdana Menteri bagi mengisi jawatan Hakim Besar Malaya, yang kosong sejak Januari lalu, berikutan persaraan Hakim Datuk Siti Norma Yaakob.

Katanya, beliau tidak tahu-menahu mengenai perkara itu.

Ahmad Fairuz juga menafikan kononnya beliau mengatakan bahawa pelantikan Hakim Besar Malaya akan diumumkan menjelang hujung bulan ini, seperti dilaporkan sebuah akhbar. - Bernama

FAKTA NOMBOR

Pesuruhjaya Kehakiman

8

Muka baru dilantik

36

Jumlah keseluruhan